



MENGHADAPI KEMUNGKINAN LA NINA, PR1MA PERTINGKAT KESIAPSIAGAAN KOMUNITI

PORT DICKSON, 1 OKTOBER 2025 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang merupakan agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperkasa komuniti residensinya dalam menghadapi sebarang bencana utama menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) “Krisis Datang, Komuniti Sedia”.

Menerusi program yang diadakan bersempena Hari Habitat Sedunia 2025 ini, lebih 150 penduduk Residensi Port Dickson yang hadir diberikan taklimat kesedaran, latihan dan tindakan pantas komuniti dalam menghadapi kecemasan, sekali gus membentuk barisan pertahanan awal di kawasan kediaman PR1MA.

Beberapa penceramah daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dijemput berkongsi maklumat dan memberikan panduan kepada para penduduk dalam menghadapi krisis bencana.

Antara perkara yang turut diberikan penekanan adalah langkah-langkah keselamatan dan kesiapsiagaan jika berhadapan bencana akibat peningkatan kekerapan hujan lebat ketika Monsun Timur Laut disebabkan fenomena La Nina yang diramal Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) bermula akhir tahun ini sehingga Februari 2026.

Pada majlis yang sama, Pasukan Bomba Komuniti di Residensi Port Dickson turut ditubuhkan dengan kerjasama JBPM bagi memperkukuh inisiatif yang sama di residensi-residensi PR1MA lain sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Anggota Perbadanan PR1MA, YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff berkata, “Taklimat kesedaran dan penubuhan Pasukan Bomba Komuniti di Residensi Port Dickson juga membuktikan PR1MA bukan sahaja menyediakan rumah mampu milik berkualiti, malah turut komited membina komuniti yang selamat, harmoni dan berdaya tahan. Melalui latihan bersama JBPM, PDRM dan KKM, penduduk kini lebih bersedia bertindak pantas ketika kecemasan, sekali gus mampu mengurangkan risiko kemalangan dan kerugian harta benda”.

PR1MA juga berhasrat memperluaskan program kesedaran komuniti PR1MA seperti ini di seluruh negara sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam memperkukuh nilai komuniti, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk melahirkan masyarakat yang peduli, bersatu dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran di masa hadapan.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +60 13 7029740)

Huda Zafirah A Rashid (huda.zafirah@pr1ma.my / +60 13-4441189)